



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 7 Tahun 2020

PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN ICT

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan satu (1) Garis Panduan baharu Pengurusan ICT bagi tahun 2020. Garis panduan ialah pernyataan umum mengenai apa yang harus dilakukan untuk mencapai objektif dasar. Ia merupakan dokumen perincian sokongan kepada Dasar ICT UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat JPPIT Bil.11/2020 pada 12 November 2020 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Pangkalan Data.

3. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 5 tahun 2020, Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan ICT yang dikeluarkan pada 30 Jun 2020 memaklumkan tiga (3) garis panduan pengurusan ICT iaitu Garis Panduan Pembangunan Sistem dan Aplikasi (Bil.01/2020), Garis Panduan Pengurusan Projek ICT UiTM (Bil.02/2020) dan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT (Bil.03/2020).

4. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 6 tahun 2020, Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan ICT yang dikeluarkan pada 23 Disember 2020 memaklumkan dua (2) garis panduan pengurusan ICT iaitu Garis Panduan Peminjaman Perkakasan ICT UiTM (Bil.04/2020) dan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT (Bil.05/2020).

PELAKSANAAN

5. Pelaksanaan Garis Panduan baharu Pengurusan ICT adalah seperti berikut:

1) Bil.06/2020 – Garis Panduan Pengurusan Pangkalan Data

Garis Panduan ini merupakan panduan atau amalan terbaik yang akan digunakan oleh pihak yang terlibat dalam pembangunan Pangkalan Data dan Pengurusan Pangkalan Data Universiti. Antara objektif Garis Panduan ini adalah untuk memastikan keseragaman dalam merancang dan mengurus Pangkalan Data.

CAPAIAN DOKUMEN

6. Dokumen Garis Panduan Pengurusan ICT boleh dimuat turun melalui capaian <https://ppii.uitm.edu.my/>.

PEMAKAIAN

7. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA.

8. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 5 Tahun 2020 dan Pekeliling Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 6 Tahun 2020: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan ICT.

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 28 Disember 2020

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 30 Disember 2020.



PROF. Ts Dr MOHD FOZI BIN ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Merangkap Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer- CIO*)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-PPII (PTA 6/7/3)
No. Siri : Pekeliling TNC (Pembangunan)*